



**ANWAR** Ibrahim (tengah) semasa menghadiri Himpunan Perdana Rakyat Keadilan Sabah di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah di Kota Kinabalu, semalam.

# Sabah perlu sealian dengan Persekutuan

Oleh **SURAIDAH ROSLAN**  
utusannews@mediamulia.com.my

**KOTA KINABALU:** Sabah perlu sealian dengan kerajaan Persekutuan pada pilihan raya negeri (PRN) akan datang sekiranya ingin melihat pembangunan berterusan negeri ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau memahami keperluan di Sabah dan negeri ini banyak ketinggalan dari aspek pembangunan.

Maka katanya, jika ingin melihat pembangunan di negeri ini terus diberi perhatian maka, kerajaan negeri Sabah perlu ber-

pakat secara baik dengan kerajaan Persekutuan.

"Jadi saya cadangkan, mana-mana pemimpin Sabah kalau menghadapi pilihan raya negeri, biar ada kerjasama erat antara negeri dan Persekutuan. Kita boleh timbang, kalau tidak timbang kita yang akan lingkup," katanya semasa Pidato Perdana sempena Himpunan Perdana Rakyat Keadilan, semalam.

Menurutnya, Keadilan perlu bangkit di Sabah maka keanggotaan dan ranting parti serta cabang perlu ditambah dan digerakkan agar Keadilan terus gagah di seluruh Sabah.

"Hanya kerana kuasa kamu menunggang agama, hanya kerana kuasa kamu sanggup melaknatkan orang Islam. Itu situasi di Semenanjung. Di sini, hanya kerana kuasa, mereka menyatakan 'kita hanya untuk Sabah'. Sabah mana? Sabah tauke balak atau Sabah untuk projek.

"Keadilan mesti bangkit untuk rakyat Sabah. Negeri ini kaya dan mempunyai potensi besar yang dikurniakan khazanah. Maka, negeri ini perlu melahirkan wakil-wakil rakyat yang bertanggungjawab. Apa untungnya kita bergaduh, siapa yang untung?," katanya.